

10 SEP 1998
Zahid-Jawatan
ZAHID TIDAK AKAN LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang dilihat sebagai penyokong kuat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau tidak akan meletakkan jawatan sebaliknya menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) UMNO untuk memutuskan kedudukannya dalam pergerakan itu.

Katanya, mesyuarat Exco pergerakan itu hari ini juga bersetuju sebulat suara untuk menyerahkan soal kedudukannya itu kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MT UMNO untuk membuat keputusan.

Ahmad Zahid yang bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat selama hampir lima jam itu berkata, ada anggota Exco pergerakan itu yang telah meminta beliau meletak jawatan berhubung soal pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lepas daripada jawatan kerajaan dan sebagai anggota UMNO.

Menurut beberapa anggota Exco, mesyuarat hari ini berlangsung dalam suasana agak "panas" dengan kesemua 25 anggota diberi peluang untuk bercakap.

Bagaimanapun, Naib Ketua Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata, perbincangan berjalan secara rasional dengan mengambil kira kepentingan, perpaduan dan imej pergerakan itu dan UMNO.

Pada permulaan persidangan berita yang ringkas itu, Ahmad Zahid menyatakan keputusan pergerakan itu untuk menerima sebulat suara keputusan yang diumumkan oleh Hishamuddin Selasa lepas mengenai 21 daripada 25 anggota Exconya menyokong keputusan MT UMNO menyingkirkan Anwar daripada parti dan menolak gerakan reformasi yang dianjurkan oleh Anwar.

Mereka juga menyokong pemecatan Anwar daripada kerajaan.

Hishamuddin mengumumkan keputusan itu selepas mempengerusikan perbincangan khas yang dihadiri oleh 16 anggota Exco Pemuda UMNO manakala lima anggota yang lain menyatakan persetujuan tanpa menghadirinya.

Empat anggota lagi bagaimanapun tidak menyertai perbincangan itu iaitu Ahmad Zahid, Ruslan Kassim (Ketua Pemuda Negeri Sembilan), Saifuddin Nasution (Penolong Setiausaha) dan Dr Abdul Rahim Mohd Ghouse (Ketua Pemuda Pulau Pinang).

Ahmad Zahid sebelum ini menerima desakan daripada beberapa pemimpin pergerakan itu di peringkat negeri dan bahagian supaya berundur secara terhormat kerana gagal menyatakan pendiriannya berhubung pemecatan Anwar dan kerana sering berada di kediaman bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Mereka tak boleh paksa saya, saya tidak akan melepaskan jawatan saya," katanya.

Ahmad Zahid berkata, beliau tidak akan berundur kerana beliau dipilih oleh para perwakilan dan mengikut peraturan serta Perlembagaan UMNO, beliau juga tidak boleh dipecat daripada jawatan itu.

"Kalau ada yang tidak berpuas hati dengan kedudukan saya, saya serahkan kepada Presiden parti untuk memutuskannya," katanya.

Ahmad Zahid berkata keputusan mendesaknya supaya meletak jawatan merupakan "satu keputusan yang berat" baginya.

Sementara itu Hishamuddin berkata, keputusan Ahmad Zahid untuk menyerahkan kedudukannya kepada MT UMNO adalah selaras dengan perlembagaan dan peraturan parti.

Beliau meminta para anggota pergerakan itu supaya bertenang menghadapi keadaan sekarang.

Para anggota Exco pergerakan itu juga akan turun ke bawah untuk menjelaskan kepada para anggota parti di peringkat akar umbi bagi

menghilangkan kekeliruan berhubung isu pemecatan Anwar itu.

Anwar, yang dipecat minggu lepas berhubung pelbagai tuduhan, termasuk salahlaku seks, rasuah dan membocorkan rahsia negara, telah menafikan semua tuduhan terhadapnya dan berkata beliau menjadi mangsa satu konspirasi untuk menjatuhkannya.

Seorang anggota Exco Zein Isma Ismail yakin isu itu tidak akan memecahbelahkan pergerakan itu tetapi sebaliknya ia akan bertambah padu untuk menyokong dan mendokong perjuangan parti.

Pergerakan itu, katanya, mengutuk gerakan reformasi yang dilancarkan oleh Anwar dan para penyokongnya kerana ia akan membawa perpecahan di kalangan masyarakat.

-- BERNAMA

AFY KHY